

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

STU451 - Perundangan Sosial

Tarikh: 26 Oktober 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

Jawab EMPAT soalan sahaja. Setiap soalan mempunyai kadar markah yang sama.

1. Bincangkan peruntukan-peruntukan penting yang terdapat dalam Kanun Kesiksaan. Mengapakah Kanun Kesiksaan ini dianggap sebagai perundangan "induk" kepada undang-undang jenayah?
2. Bandingkan bentuk perkahwinan dan perceraian yang terdapat dalam perundangan Islam dan bukan-Islam di negara ini.
3. "Peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973 sudah mencukupi untuk memberikan perlindungan kepada wanita dan gadis". Dengan menyebutkan beberapa peruntukan penting yang terdapat dalam Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973 nilaikan sejauhmanakah kenyataan di atas benar?
4. Bincangkan perlindungan-perlindungan yang diberikan oleh perundangan kepada kanak-kanak dan orang muda. Berikan komen anda sendiri apakah cara-cara yang boleh digunakan untuk memperkukuhkan lagi perlindungan ke atas kanak-kanak dan orang muda ini?
5. Mat Tom Yam, seorang pekerja industri telah dituduh oleh pihak majikan selalu lalai dalam menjalankan tugasnya. Sebetulnya Mat Tom Yam merupakan seorang pekerja yang rajin. Memandangkan ia terlalu aktif dalam memperjuangkan hak-hak pekerja, pihak majikan telah mencari berbagai helah untuk menamatkan perkhidmatannya. Kerana terlalu kesal dengan sikap majikan yang enggan memenuhi tuntutan kenaikan gaji pekerja-pekerja, Mat Tom Yam telah menganjurkan satu mogok umum secara besar-besaran. Mogok ini telah berjaya melumpuhkan perjalanan industri tempat Mat Tom Yam bekerja. Ini telah menyebabkan kemarahan pihak majikan kerana mereka telah mengalami kerugian yang amat teruk sekali. Mat Tom Yam

...2/-

(STU 451)

terus dipanggil oleh pihak majikan. Dengan kata-kata kesat dan maki hamun, Mat Tom Yam kemudian terus dibuang kerja oleh majikannya atas alasan melanggar disiplin kerja di industri berkenaan.

Kini Mat Tom Yam datang berjumpa anda untuk mengetahui apakah hak-hak dan perlindungan yang boleh diberikan oleh undang-undang kepadanya. Nasihatkan Mat Tom Yam.

6. Mengikut pandangan anda sendiri, apakah kaedah-kaedah yang boleh digunakan bagi memperkemaskan lagi proses pelaksanaan perundangan sosial di negara ini?

- oo oOo oo -